



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK JASMIN JAIMON MENGENAI SUMBANGAN
DAN KERJAYA BELIAU SEBAGAI SEORANG ALUMNI FPM

DISEDIAKAN OLEH:

NURUL AMALINA BINTI SOFI

(2013398119)

FARHANAH ATIQA BINTI ABDUL AZIZ

(2013335243)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
(IMR 604 – DOKUMENTASI SEJARAH LISAN)

SEMESTER 5 (MAC 2015 - JULAI 2015)

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGHARGAAN.....	1
2.0 ABSTRAK.....	2
3.0 PENGENALAN.....	3-4
4.0 BIODATA	
4.1 Biodata tokoh.....	5
4.2 Biodata penulis 1.....	6
4.3 Biodata penulis 2.....	7
5.0 SINGKATAN KATA.....	8-9
6.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	10-74
7.0 LOG WAWANCARA.....	75-76
8.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA	
8.1 Soalan pengenalan.....	77-78
8.2 Soalan umum.....	79-80
8.3 Soalan spesifik.....	81-85
9.0 DIARI PENYELIDIKAN.....	86-87
10.0 RALAT.....	88
11.0 SENARAI RUJUKAN.....	89
12.0 LAMPIRAN.....	90
13.0 INDEKS.....	91-93

2.0 ABSTRAK

Fakta sejarah lisan bersama Alumni UiTM yang memberikan banyak sumbangan dalam kerjaya dan juga dalam Fakulti pengurusan maklumat (FPM) iaitu Encik Jasmin Jaimon. Tujuan transkrip ini adalah untuk memberi maklumat kepada pembaca dan juga untuk generasi akan datang tentang sejarah seorang Alumni UiTM yang kini bergelar Ketua Pustakawan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Transkrip ini diselitkan juga dengan latar belakang dan pendapat beliau tentang FPM. Ini juga bertujuan untuk menaikkan nama Fakulti Pengurusan Maklumat agar menjadi pilihan orang ramai dalam memilih kerjaya dan agar remaja pada zaman akan datang sedar akan kewujudan fakulti ini yang sebenarnya banyak memberikan impak kepada pemilihan kerjaya mereka nanti.

Kata kunci: Alumni UiTM, ketua pustakawan, latar belakang, Jasmin Jaimon, Kerjaya, Sumbangan, Anugerah, USIM, Fakulti Pengurusan Maklumat

3.0 PENGENALAN

Fakulti Pengurusan Maklumat, yang dahulunya dikenali sebagai Sekolah Sains Perpustakaan telah ditubuhkan pada tahun 1972. Program pustakawan pertama kali ditawarkan di Sekolah Pentadbiran dan Undang-undang pada tahun 1968 dengan hasrat utama untuk menyediakan pelajar dalam menghadapi peperiksaan professional di luar negara yang dianjurkan oleh Library Association (ALA), United Kingdom. Apabila Sekolah Sains Perpustakaan ditubuhkan pada Julai 1972, program tersebut telah digantikan oleh 3 program diploma (Sijil Sekolah Tinggi), yang dilaksanakan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja tempatan dan juga menyediakan pustakawan professional sebagai satu cabang profession yang baru di Malaysia.

Sekolah ini juga memperkenalkan "postgraduate Diploma in Library Science". Ia memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi tempatan dan luar negara untuk meningkatkan karier profesional mereka dalam bidang perpustakaan dan sains maklumat. Untuk terus menyediakan mahasiswa dan mahasiswi yang kompetitif dan selari dengan pembangunan, elemen dalam sains maklumat telah digabungkan ke dalam kurikulum pada tahun 1978. Seterusnya, Sekolah tersebut telah dinamakan Sekolah Sains Maklumat dan Perpustakaan. Pada tahun 1992, program Pengurusan Rekod dan Arkib ditawarkan dan program diploma 3 tahun telah dilanjutkan kepada 4 tahun untuk program diploma lanjutan, dan ia diakui oleh Kerajaan Malaysia sebagai sama taraf dengan program Ijazah.

Pada tahun 1996, Diploma Lanjutan telah dinaiktaraf sebagai Ijazah Sains Perpustakaan. Pada tahun 1997, nama "Sekolah" telah ditukar kepada Fakulti Pengajian Maklumat. Selepas itu, program Master of Science in Information Management telah diperkenalkan. Pada tahun 2000, program Master of Information Management telah ditawarkan secara Pengajian Jarak Jauh (PJJ). Pada tahun 2001 pula, program Master of Knowledge Management pula diperkenal. Ketika ini Fakulti Pengajian Maklumat telah mempunyai 4 kampus cawangan, iaitu di Machang, Merbok (Kedah), Segamat (Johor), dan Sabah.

Visi

Menjadi sebuah pusat pengajian maklumat yang terunggul di dalam negara dan rantau ini.

Misi

Melatih tenaga profesional dalam pengajian maklumat yang seimbang, berbudaya ilmu, dan berdaya saing, berakhlak mulia dan peka kepada keperluan manusia.- Beriltizam untuk memberi perkhidmatan dan latihan yang berterusan dan pendidikankegiatan kepada tenaga profesional maklumat dan perkhidmatan penyelidikan dan perundingan.

Dasar kualiti

Fakulti Pengajian Maklumat (FPM) komited dalam menyediakan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang dan gemilang bagi melahirkan graduan profesional yang terbilang ke arah pembentukan Universiti bertaraf dunia melalui aktiviti-aktiviti penambahbaikan berterusan. FPM akan melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang cekap, berkesan, dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan untuk mnejadi sebuah fakulti yang terunggul.